

10/08/1999

Wanita mesti guna saluran parti

Rahimah Hussin

PERGOLAKAN yang berlaku dalam Pergerakan Wanita Umno wajar diselesaikan melalui saluran parti, bukan melalui media. Pemimpin dan ahli Wanita seharusnya mengelak daripada membuat kenyataan yang boleh memburukkan lagi keadaan.

Majlis Tertinggi Umno (MT) sudah menyelesaikan isu Pergerakan Wanita itu yang berkocak akibat pengumuman rombakan Exconya yang antara lain memecat Ketua Wanita Wilayah Persekutuan, Azizah Samad dan Ketua Wanita Pulau Pinang, Sharifah Aminah Syed Mohamad.

Malah, Ketua Pergerakan itu, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman pun sudah bersetuju dengan tindakan MT membatalkan keputusan itu.

Dalam keadaan sekarang adalah tidak wajar untuk mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap Siti Zaharah kerana tindakan ini akan hanya menggawatkan lagi Umno.

Apa yang lebih penting ialah merapatkan semula barisan kepimpinan kerana tugas penting di hadapan kita ialah pilihan raya dan menjamin majoriti dua pertiga seperti yang diharapkan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jangan lagi kita memperbesar-besar perkara ini. Sekiranya ahli Wanita tidak berpuas hati, gunakanlah saluran parti sewajarnya. Perkara terbaik yang patut dilakukan sekarang ialah melupakan perkara ini dan menunggu sampainya waktu pemilihan parti. Ketika itu tentukanlah siapa yang layak dan tidak layak memimpin. Keutuhan pergerakan ini penting untuk parti dalam apa juga keadaan sekali pun, terutama ketika pilihan raya.

Saranan saya kepada Dr Siti Zaharah dan pemimpin Wanita pula ialah, seharusnya sebarang keputusan pada masa depan perlulah dirujuk atau diminta nasihat pucuk pimpinan terlebih dahulu, bukan mengikut citarasa sendiri kerana ini adalah urusan parti. Rujuklah kepada ahli kerana mereka yang meletakkan pemimpin di tempat yang mana mereka berada sekarang.